

## **ASAL USUL MENGKABONG DAN PERANAN RAJA TUA**

*The Origin of Mengkabong and the Role of Raja Tua*

**YUSRY SULAIMAN<sup>1</sup>**

**BILCHER BALA<sup>2</sup>**

**MOSLI TARSAT<sup>3</sup>**

**RIZAL ZAMANI IDRIS<sup>4</sup>**

**MOHD FIRDAUS ABDULLAH<sup>5</sup>**

<sup>1-4</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

<sup>5</sup>Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>1</sup>[yusryjason@gmail.com](mailto:yusryjason@gmail.com)

<sup>2</sup>[bilcher@ums.edu.my](mailto:bilcher@ums.edu.my)

<sup>3</sup>[mos\\_79@ums.edu.my](mailto:mos_79@ums.edu.my)

<sup>4</sup>[rizal@ums.edu.my](mailto:rizal@ums.edu.my)

<sup>5</sup>[mfa@ukm.edu.my](mailto:mfa@ukm.edu.my)

Dihantar: 24 Mei 2022/ Diterima: 23 Oktober 2021/ Terbit: 21 Disember 2022

**DOI:** <https://doi.org/10.51200/jba.v7i1.3966>

### **Abstrak**

Makalah ini akan membincangkan asal usul Mengkabong dan peranan Raja Tua dalam membangunkannya menjadi pangkalan dan petempatan di Borneo Utara pada abad ke-18. Mengkabong mempunyai beberapa versi cerita asal usul berasaskan sumber lisan dalam kalangan orang tua setempat. Mengkabong muncul sebagai pangkalan terawal pada era pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin I (SOAS I). Raja Tua telah dilantik sebagai Ketua Panglima Laksamana Laut di Mengkabong. Beliau membina pangkalan dan menjaga keamanan termasuk menyerang dan membanteras pemburu hamba. Raja Tua dikatakan berjaya menyatupadukan penduduk kaum Bajau dan kaum Dusun demi keamanan di Mengkabong. Kajian ini menggunakan sumber sumber lisan dan salasilah yang diperoleh dari koleksi peribadi semasa kajian lapangan dilakukan di Mengkabong termasuk melawat kawasan makam dan kubu terbiar. Penulisan makalah ini sangat penting kepada pembangunan pensejarahan Sabah, terutamanya pendedahan tentang asal usul Mengkabong dan Raja Tua ini adalah antara peristiwa penting zaman awal Sabah yang tidak diketahui oleh pembaca umum mahupun pembaca akademik.

**Kata kunci:** Asal Usul, Borneo Utara, Mengkabong, Raja Tua.

## **Abstract**

*Mengkabong has several versions of its origin story based on oral sources among local elders. Mengkabong emerged as the earliest base during the reign of Sultan Omar Ali Saifuddin I (SOAS I). Raja Tua was appointed as a Commander-in-Chief of the Sea Admiral in Mengkabong. He built bases and maintained peace, including attacking and exterminating slave hunters. Raja Tua is said to have succeeded in uniting the Bajau and Dusun people for peace in Mengkabong. The study of this paper uses oral sources and genealogies obtained from personal collections during field research conducted in Mengkabong including visiting abandoned tombs and forts. The writing of this paper is very important to the development of Sabah historiography, especially the disclosure of the origin of Mengkabong and Raja Tua are among the important events in the early days of Sabah that is not known among either general readers or academic readers.*

**Keywords:** Origin, North Borneo, Mengkabong, Raja Tua.

## **Pengenalan**

Mengkabong mempunyai seribu cerita demi mencari penjelasan asal usul wujudnya. Hal ini menurut penceritaan dalam kalangan orang tua yang sudah turun-temurun menetap di Mengkabong. Sebelum kedatangan kuasa Barat, Sultan Brunei telah melantik seorang pembesar yang lebih dikenali dengan gelaran Raja Tua untuk membangunkan kawasan wilayah Mengkabong. Raja Tua memimpin penduduk kaum Dusun dan Bajau menghadapi ancaman luar ke atas Mengkabong, terutamanya daripada serangan orang Illanun dan Balangingi. Makalah ini akan membincangkan asal usul Mengkabong dan peranan Raja Tua membangunkan wilayah Mengkabong menjadi sebuah pangkalan dan pentempatan yang terpenting di pantai barat Borneo Utara sebelum era penjajahan kuasa Barat pada abad ke-19.

## **Metode Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sejarah dari segi aktiviti pencarian dan pengumpulan bahan rujukan serta pentafsiran data untuk membina penjelasan sejarah berkaitan wilayah Mengkabong dan Raja Tua. Bahan rujukan adalah terdiri daripada sumber primer dan sekunder. Rujukan kepada sumber sekunder adalah seperti buku dan jurnal dijalankan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Antara sumber sekunder yang utama ialah St. John (1862), Ranjit (2011), Asbol (2011) dan Al Sufri (1999). Sumber primer pula khususnya dokumen rasmi adalah seperti fail Colonial Office (C.O.) dan surat khabar British North Borneo Herald yang diperoleh dari Arkib Negeri

Sabah. Di samping itu, terdapat sumber primer yang diperoleh dari koleksi persendirian di Mengkabong seperti C.O 874/54 dan Salasilah *Raja Tua*. Kajian ini juga menggunakan sumber lisan melalui kajian lapangan, khususnya temu bual dengan waris keturunan Raja Tua serta beberapa orang tua yang telah menetap di Mengkabong. Kajian lapangan juga melawat beberapa lokasi yang dipercayai sebagai tapak peninggalan bersejarah seperti makam dan kubu terbiar. Kawasan tapak yang telah dilawati ialah Senorob, Pulo Junkok, Pulo Bengka, Belud Belanga, Pulo Dallas@Dalad dan Buansa.

### **Asal Usul Mengkabong**

Menurut Dawi, sebelum kewujudan nama Mengkabong, pada awalnya ia dipanggil "Sekadar" kerana menjadi tapak pertemuan atau tapak tamu bagi aktiviti ekonomi perdagangan barter di antara penduduk kaum Bajau dan kaum Dusun (Dawi (Lawah) bin Utuh, komunikasi peribadi, 20 Mac 2022). Penduduk tempatan juga percaya bahawa perkataan "Mengkabong" berasal daripada konotasi "pokok nibong" yang tumbuh banyak berdekatan dengan pesisiran Teluk Mengkabong, terutamanya di muara sungai (*Suang*) Engkabong. Penempatan terawal di muara sungai ini ialah Pulo Dallas, yang wujud sebelum nama Mengkabong diperkenalkan. Nama Engkabong telah wujud bersemepena dua peristiwa penting bagi penduduk tempatan. Peristiwa pertama adalah berkaitan dengan kisah "Si Kabong", seorang pahlawan Dusun yang sudah lama menetap di Sungai Engkabong. Kehadiran kaum Bajau telah menimbulkan permusuhan dengan penduduk kaum Dusun. Si Kabong memainkan peranan mewujudkan perdamaian di antara kedua-dua kaum tersebut dan mereka mengadakan perjanjian minum darah sebagai tanda persaudaraan. Hal ini dikukuhkan dengan tindakan Si Kabong dan pengikutnya telah bergabung dengan penduduk Bajau untuk membina *pengkaan* (jeti) di kawasan muara Sungai Engkabong. Sempena peristiwa dan jasa "Si Kabong", dua perkataan telah digabungkan menjadi satu perkataan, iaitu "Mengka" dan "Kabong" menjadi "Mengkabong". Dengan kata lain, "Mengka" bermaksud membina *pengkaan* (jeti) dan nama pahlawan Dusun ialah "Kabong". Peristiwa kedua adalah berkaitan dengan satu peristiwa "Mandi Darah" (peperangan) di sebuah bukit yang dinamakan Bukit Kuta, di mana penduduk tempatan, kaum Dusun dan Bajau menentang orang Iranun dan Balangingi (Dawi (Lawah) bin Utuh, komunikasi peribadi, 20 Mac 2022). Hal ini merupakan peristiwa hitam kepada penduduk di Mengkabong. Kehidupan penduduk Dusun dan Bajau di Mengkabong yang aman damai di Mengkabong telah berubah menjadi huru-hara ekoran kehadiran orang Iranun dan Balangingi yang menjalankan aktiviti memburu hamba dan kekacauan di sepanjang Sungai Mengkabong (Salleh bin Mamun, komunikasi peribadi, 20 Mac 2022). Penduduk Dusun dan Bajau terpaksa bergabung untuk menyerang dan menghalau mereka dari kawasan Mengkabong.

Salah satu versi menyebut bahawa nama Mengkabong berasal daripada gabungan beberapa buah kampung seperti Kampung Pensurun, Ensoang, Keruman, Gerinsing, Belud Empalam, Torong Tembiluk (Buansa), Jembulang dan Saman. Satu versi yang lain pula mengaitkan nama Mengkabong dengan kisah penerokaan oleh golongan berketurunan "Sharif" dan "Pengiran" yang dikatakan sebagai pihak yang mentadbir Mengkabong (Salleh bin Mamun, komunikasi peribadi, 20 Mac 2022). Hal ini dikaitkan dengan bukti kewujudan beberapa pusara lama yang terdapat di tanah perkuburan Kampung Pensurun, Belud Belanga, Senorob, Pulo Bengka, Junkok dan Pulo Dallas. Kewujudan tapak perkuburan keturunan seorang "Syarif berlidah Hitam" di Kampung Mengkabong telah menjadi asas pendapat bahawa kampung tersebut merupakan pusat pentadbiran dan penempatan terawal di seluruh pantai barat (Dawi (Lawah) bin Utuh, komunikasi peribadi, 20 Mac 2022).

Menurut versi pensejarahan Brunei, Mengkabong dikenali sebagai "Suang Mengkabong", iaitu suatu penempatan legenda, keramat, mistik dan bersejarah yang terkenal di seluruh pantai barat Borneo Utara sebagai sebuah pusat pangkalan atau pelabuhan kepada para nelayan, kapal dagang dan markas angkatan tentera laut Kesultanan Brunei pada abad ke-18. Tapak pangkalan tersebut pada asalnya dinamakan Tanjung Dallad atau Dalas (Torung Dallas) ataupun Pulo Dallas@ Dalad. Kemudian, nama tersebut ditukar kepada Suang Engkabong atau disingkatkan sebagai Mengkabong. Pada ketika itu, Raja Tua merupakan pemegang hak wilayah jajahan ke atas Suang Mengkabong yang berstatus Sungai Tulin. Beliau juga dikatakan pemegang hak wilayah jajahan yang banyak di pantai barat Borneo Utara, sama ada Sungai Tulin atau Sungai Kuripan seperti Tempasuk, Abai, Pandasan, Ambong, Sulaman, Tuaran, Tambalang, Darau, Menggatal, Inanam, Likas, Api-Api, Simbulan, Tanjung Aru, Putatan, Kinarut, Kawang dan Pengalat Papar (Salleh bin Mamun; Awang Zulkifli bin Nawawi; Maskan Hj. Rasta, komunikasi peribadi, 20 Mac 2022).

## **Peranan Raja Tua**

Nama sebenar Raja Tua ialah Ibni Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Anak Ampuan Untong Ibni Sultan Abdul Jalilul Jabbar (Sultan Brunei ke-11). Beliau dilantik oleh Sultan Brunei sebagai Temenggung Laksamana di kawasan perairan laut dan Sungai Mengkabong. Beliau mengawasi kawasan pantai barat Borneo Utara, terutamanya membanteras sebarang ancaman pelanunian daripada kaum Iranun dan Balangingi. Beliau dikatakan selalu menang dalam peperangan dan pada masa yang sama sangat menjaga kebijakan penduduk di Mengkabong. Persoalan, mengapa baginda digelar sebagai Raja Tua? Menurut Sahar bin Haji Piassin, semasa mula hidupnya di Suang Mengkabong, umur beliau sudah berusia dalam lingkungan 60-an tetapi beliau sihat, berani dan gagah

sebagai pemimpin utama di Mengkabong (Sahar bin Hj. Piassin, komunikasi peribadi, 18 Januari 2022). Sebenarnya, Raja Tua adalah pemimpin utama yang diberikan tanggungjawab untuk menjaga seluruh wilayah jajahan Kesultanan Brunei di pantai barat Borneo Utara (C.O 874/54, Perjanjian hak Kedaulatan Membakut, Api-Api, Kuala Lama, Inanam, Menggatal dan Mengkabong 23 Mac 1898; C.O 874/54, Grant of Mengkabong, 20 Mac 1898).

Pada penghujung abad ke-18, Raja Tua telah dititahkan oleh Sultan Brunei ke-18, Sultan Omar Ali Saifuddin I (SOAS I) supaya berangkat ke Mengkabong untuk memerangi orang Illanun dan Balangingi yang mempunyai hubungan baik dengan Sharif Usman, Kesultanan Sulu dan Kesultanan Magindanau (Gerlich, 2003:8-85; Warren, 2007: 152-156; Warren, 2002: 73-75). Orang Illanun dan Balangingi bermaharajalela di sepanjang perairan pantai barat dan Mengkabong dengan membakar rumah penduduk kampung serta membawa lari ahli keluarga dan ternakan. Ahli keluarga penduduk di Mengkabong dijual sebagai hamba abdi di beberapa tempat lain seperti Tawi-Tawi dan Jolo dalam Kepulauan Filipina (Warren, 2007: 153; Warren, 2002: 73-75). Raja Tua harus bergabung dengan beberapa orang pembesar tempatan yang dilantik oleh SOAS I untuk membantai Sharif Usman yang berkuasa di Kota Marudu kerana cuba melepaskan diri daripada pengaruh Kesultanan Brunei dan mendapatkan sokongan Kesultanan Sulu. Menurut Bianca (2003) dan Hasbol (2011), Sharif Usman mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Pengiran Yusof dari golongan istana Kesultanan Brunei (Ismail Ali, 2010:17; Gerlich, 2003: 42). Sharif Usman bercita-cita meluaskan wilayah kekuasaannya dari Kota Marudu ke arah selatan Borneo Utara dengan menggunakan pengaruh Kesultanan Sulu (Gerlich, 2003: 42). Raja Tua diberikan tanggungjawab untuk memimpin angkatan perang, terutamanya tentera laut yang sangat kuat dan digeruni sehingga beliau mendapat gelaran Raja Laut (Pehin Jamil, 1999: 11). Raja Tua mengerahkan penduduk tempatan, terutamanya dalam kalangan masyarakat Bajau di Borneo Utara untuk menyertai angkatan perangnya.

Pada masa yang sama, Raja Tuajuga menjalankan perananya yang lain. Beliau mengawasi keselamatan dalam perdagangan di seluruh wilayah Kesultanan Melayu Brunei dan dibantu oleh Pengiran Syahbandar dan ketua tempatan. Raja Tua juga memainkan peranan mengawasi hal keamanan, terutamanya pelaksanaan undang-undang bagi pihak Sultan Brunei. Beliau berkuasa menangkap orang yang melakukan kesalahan dan seterusnya menjatuhkan hukuman ke atas mereka. Selain itu, Raja Tua juga bertanggungjawab dalam pentadbiran agama Islam dan dibantu oleh golongan Sharif, Menteri Agama, Datuk Imam, SiRaja Khatib, Udana Khatib, khatib dan mudim (Pehin Jamil, 1999: 12).

Di samping itu, Raja Tua berperanan dalam pentadbiran kebajikan penduduk, kebajikan anak yatim dan golongan yang tertindas, terutamanya masyarakat Bajau di Mengkabong. Dalam menjalankan tugasnya, Raja Tua dibantu oleh lapan orang ceteria dan lapang orang menteri. Antaranya ialah Orang Kaya Syahbandar, Orang Kaya Setia Pahlawan, Orang Kaya Hamzah Pahlawan, Orang Kaya Amar Pahlawan, Orang Kaya Johan Pahlawan, Pateh Dan Damong (Pehin Jamil, 1999: 11). Pada masa itu, kaum Bajau sudah mendominasi kawasan pesisir Teluk Mengkabong dan mereka merupakan sumber tenaga manusia utama kepada Raja Tua. Forrest (1776) memberi gambaran tentang masyarakat Bajau di Mengkabong pada ketika itu bahawa mereka adalah golongan nelayan yang gigih mencari hasil laut. Mereka berasal dari Johor dari sebelah timur Selat Melaka. Mereka suka tinggal dekat dengan laut dengan mendirikan rumah di atas air (kampung air) dengan menggunakan banyak tiang kecil dan biasanya tertumpu di muara sungai. Masyarakat Bajau boleh membentuk angkatan tentera yang besar. Mereka boleh mengumpulkan sehingga 2,000 orang angkatan tentera di Mengkabong, 1,000 orang di Mengkabong, 600 orang di Tempasuk, 400 orang di Pandasan dan selebihnya dari Abai, Ambong dan Sulaman (Forrest, 1776: 392-395).

St. John (1862) menyebut bahawa masyarakat Bajau mempunyai satu sikap kesetiaan yang amat tinggi, setiakawan dan ikatan serta hubungan kekeluargaan yang sungguh kuat sehingga pernah berlaku satu peristiwa anak kapal yang berasal dari Mengkabong yang belayar di sebuah kapal perdagangan bergaduh dengan anak kapal kaum lain sehingga ada yang terbunuh (St. John, 1862: 236-237). Seorang anak kapal berasal dari Mengkabong ini berjaya lari dari kapal dagang itu lalu mengayuh perahu sehingga ke Mengkabong, setibanya dia di Mengkabong anak kapal tersebut menceritakan kesusahan dan kejadian yang berlaku ke atas mereka di atas kapal dagang tersebut, maka secara tiba-tiba hampir seluruh penduduk Kampung Mengkabong berkumpul dan serta-merta membuat keputusan menyediakan beberapa perahu angkatan perang dan terus menyerang serta membakar kapal dagang tersebut sambil mengambil semua isi kapal dagang tersebut (St. John, 1862: 236-237).

Kaum Dusun juga menjadi sumber tenaga manusia kepada Raja Tua, terutamanya suku Dusun Lotud yang menetap di satu kawasan bernama Indai, berhampiran dengan Sungai Tuaran. Indai merupakan kubu kuat suku Dusun Lotud, yang tidak kurang hebatnya dari segi kegagahan, kekuatan mistik dan luar biasa. Masyarakat Dusun Lotud ini dikatakan mempunyai sejarah perang menentang kaum yang dipanggil Misangod Random sehingga kubu mereka penuh dengan darah. Mereka juga berjaya menyerang orang Ilanun (Iranun) dengan memotong kepala di Sungai Tuaran sehingga orang Ilanun itu terpaksa berpindah ke kawasan Tempasuk. Masyarakat suku Dusun Lotud

dan kaum Bajau mempunyai perjanjian kerjasama dan sumpah persaudaraan selain mempunyai ikatan kekeluargaan melalui perkahwinan antara keluarga dalam kalangan kedua-duanya (Rutter, 2008: 54-59; Shim, 2007-38-40; Phelan, 2001: 12; Bock, 1985:89). Oleh itu, Raja Tua sangat menghormati adat tempatan dan mengadakan perjanjian melalui perkahwinan dengan seorang gadis dari Mengkabong. Beliau mempunyai beberapa orang anak lelaki yang pintar dan nama mereka terkenal, iaitu Embo Pat, Embo Kudrat, Embo Ilang (Embo) dan Embo Tugu. Mereka menjadi pembesar dan pahlawan gagah perkasa yang sentiasa bersedia memerangi musuh di seluruh wilayah jajahan Kesultanan Brunei.

Kedudukan kekuasaan Raja Tua di Mengkabong adalah strategik di Junkok dengan memiliki kekuatan angkatan tentera gabungan kaum Bajau dan suku Dusun Lotud. Mereka memiliki sebuah kubu pertahanan yang kuat bernama Kubu Mandi Darah. Melalui kekuatan angkatan tentera ini, Raja Tua telah berjaya menghalang sebarang serangan musuh ke atas Mengkabong dan kawasan lain di pantai barat Borneo Utara. Misalnya, menghalang rancangan peluasan kuasa Sharif Usman dan Sultan Sulu ke kawasan pantai barat Borneo Utara. Pendek kata, Raja Tua berjaya menjadikan Mengkabong sebagai benteng pertahanan yang kukuh dalam melindungi pusat kerajaan Kesultanan Brunei daripada serangan luar, terutamanya serangan orang Illanun, Balinggi dan Suluk (Pehin Jamil, 1999:12; Singh, 2011: 104, Haji Hasbol, 2011: 132-133; Gerlich, 2003: 138-140).

Raja Tua tidak merasa cukup dengan sekadar mempertahankan Mengkabong daripada serangan musuh dari luar, berdasarkan sumber lisan dalam kalangan orang tua di Mengkabong mengatakan bahawa Raja Tua sendiri melancarkan serangan balas dengan menghantar angkatan perang yang diketuai oleh kalangan anaknya. Mereka mampu menyerang balas ke kawasan musuh sehingga ke perairan dalam kekuasaan Sharif Usman, Kesultanan Sulu, Kesultanan Magindanau di Filipina serta kawasan Limbang, Mukah, Oyah dan Sambas di Sarawak (Ismail Ali, 2010: 3-4; Warren, 2007: 152-156; Warren, 2002: 101-102; Haji Hasbol, 2011: 132-133; Gerlich, 2003: 148). Ada satu legenda menyebut bahawa apabila musuh masuk ke kawasan Sungai Mengkabong dengan tidak berniat baik, maka mereka akan gagal mencari jalan keluar sehingga mereka menjadi kaku dan keras. Pada ketika itulah pihak musuh terpaksa bersumpah untuk tidak lagi membuat kacau dan kembali semula ke kawasan Mengkabong. Ada antara musuh yang dibebaskan dan yang lain dibunuh oleh tentera Mengkabong (Pehin Jamil, 1999: 12; Singh, 2011: 104; Haji Hasbol, 2011: 48-49, Gerlich, 2003: 177). Menurut sumber lisan juga menyebut bahawa Raja Tua pernah menghantar tentera Mengkabong untuk berperang menentang tentera Sepanyol. Raja Tua mempunyai seorang anak angkat

daripada golongan bangsawan Kesultanan Mangindanau yang dididik oleh beliau untuk menjadi seorang panglima utama yang terkenal, yang akhirnya menjadi Sultan di Kesultanan Magindanau (Embo Kudrat) (Dawi (Lawah) bin Utuh; Salleh bin Mamun; Maskan bin Hj. Rasta, 20 Mac 2022; Awang Zulkifli bin Nawawi, komunikasi peribadi, 16 Februari 2022).

Raja Tua telah datang sendiri tanpa ahli keluarga ke Mengkabong. Beliau dikatakan mempunyai isteri dan ramai anak yang ditinggalkan di Brunei seperti Pengiran Bendahara Alliuddin, Raja Tua Pengiran Abdul Rajid, Pengiran Maharaja Dinda, Pengiran Abdul Naji, Pengiran Abdul Wali, Pengiran Amir Abas, Pengiran Abdul Jalil, Pengiran Jaga, Pengiran Jariah, Pengiran Isteri Ghandi dan Pengiran Abdul Ghafur. Raja Tua telah meninggal dunia di Mengkabong tanpa sempat kembali ke Brunei. Beliau tidak sempat berjumpa dengan kaum keluarganya di Brunei kerana pengorbanan dan kesetiaan untuk melaksanakan tanggungjawab yang diberikan oleh Sultan Brunei (Pehin Jamil, 1999: 12).

Tanggungjawab yang berat harus dipenuhi oleh Raja Tua. Bukan sekadar memerangi musuh kerajaan Kesultanan Brunei, bahkan menjamin keamanan dan keselamatan seluruh wilayah jajahan di pantai barat Borneo Utara. Peranan Raja Tua seterusnya disambung oleh anaknya, Embo Ilang. Jasa besar Raja Tua adalah berjaya menyatupatukan penduduk di Mengkabong dan seluruh wilayah jajahan. Masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti Brunei, Bajau dan Dusun dapat bersatu untuk berjuang menentang musuh dari luar. Al Sufri (1999) menyebut;

Raja Tua ini hidup di zaman dulu kala, di kawasan pantai barat Borneo Utara sungguh terkenal kegemilangannya yang selalu beroleh kejayaan dan kemenangan berperang dengan musuh serta bersungguh sungguh menjaga kebijakan rakyat sehingga masyhur mendapat gelaran Raja Tua Mengkabong (Pehin Jamil, 1999: 12).

Raja Tua telah berjaya menjadikan Mengkabong terkenal sebagai sebuah pangkalan utama kepada para nelayan, kapal dagang dan markas angkatan perang tentera laut. Secara tidak langsung menyebabkan Mengkabong menjadi antara wilayah jajahan Sungai Tulin dan Sungai Kuripan yang sangat makmur pada ketika itu (C.O 874/54, 23 Mac 1898; C.O 874/54, 20 Mac 1898; C.O 874/54, 29 Disember 1877; C.O 874/54, 23 Mac 18980). Raja Tua telah menjadikan Mengkabong sebagai penempatan angkatan tentera yang terdiri daripada masyarakat Bajau yang berasal dari Johor (Forrest, 1776: 394-395). Masyarakat Bajau ini telah menjadi benteng pertahanan daripada serangan orang Ilanan dan Balangingi yang mempunyai hubungan baik dengan Sharif Usman, Kesultanan Sulu dan Kesultanan Magindanau yang merupakan musuh

utama Kesultanan Brunei (Warren, 2007: 152-156; Warren, 2002: 101-102). Menurut Ismail (2010), Sharif Usman mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Pengiran Yusof, seorang penderhaka dalam istana Kesultanan Brunei yang mendorong Sharif Usman untuk menentang Sultan Brunei (Ismail Ali, 2010: 132-134).

## Kesimpulan

Pada abad ke-19, kuasa Barat telah menubuhkan pusat pentadbirannya di sebuah perkampungan kecil yang dinamakan Deasoka (kini dalam Bandaraya Kota Kinabalu). Sebelum itu, Suang Mengkabong atau Mengkabong terkenal sebagai sebuah pangkalan utama Kesultanan Brunei di pantai barat Borneo Utara. Raja Tua, seorang pembesar yang dilantik oleh Sultan Brunei bertanggungjawab membangunkan Mengkabong sehingga menjadi makmur. Raja Tua memainkan peranan sangat penting, bukan sekadar menjaga kawasan Mengkabong daripada serangan lanun, bahkan beliau berjaya menyatuputukan penduduk kaum Dusun dan Bajau. Hal ini membolehkan Raja Tua untuk angkatan tentera yang sangat kuat sehingga mampu mengawasi seluruh kawasan perairan pantai barat Borneo Utara. Penulisan makalah ini, diharapkan boleh dijadikan rujukan penting tentang sejarah Mengkabong dan Raja Tua, iaitu merupakan antara nilai sejarah kurang popular dalam lipatan sejarah Sabah setakat ini. Justeru, kajian lanjut perlu dilakukan supaya lebih banyak lagi nilai sejarah yang tersembunyi dalam sumber primer dan sumber lisan dapat didekah dan dimanfaatkan untuk masa hadapan.

## Senarai Rujukan

### Dokumen Arkib

- C.O 874/54 Grant by Sultan of Brunei of Territory the Sulaman River to the River of Paitan, 29 Disember 1877.  
C.O 874/54, Grant of Mengkabong 20th Mac 1898.  
C.O 874/54, Menggatal, Mengkabong, Api-Api, Simbulan, Nafas dan Tambalang River, 23 Mac 1898.  
C.O 874/54, Perjanjian hak Kedaulatan Membakut, Api-Api, Kuala Lama, Inanam, Menggatal dan Mengkabong 23rd Mac 1898.  
C.O 874/55 Status Pemajakan Sungai Mengkabong, Karambunai, Kabatuan, Napas dan Simbulan.

### Buku dan Artikel

- Bock, C. (1985). *The Headhunters of Borneo*. Singapore: Oxford University Press.  
Forrest, T. (1776). A Voyage to New Guinea and The Moluccas from Balambangan: Including an Account of Magindanao, Sooloo and other Islands, London: G. Scott.  
Gerlich, B. M. (2003). *Marudu 1845: The Destruction and Reconstruction of a Coastal State in Borneo*. Germany: Abera.

- Hasbol bin Haji Mail. (2011). *Kesultanan Brunei Abd ke-19*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Ali. (2010). *Viking Timur di Kepulauan*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Pehin Jamil Al Sufri. (1999). Pengiran Temangong Raja Tua Abdul Momin Amirul Faza, *PUSAKA*. Bil. 9.
- Phelan, P. (2001). *The Head Hunting and the Magang Ceremony in Sabah*. Kota Kinabalu: Opus Publication.
- Rutter, O. (2008). *British North Borneo*. Kota Kinabalu: Opus Publication.
- Shim, P. S. (2007). *In land People of Sabah*. Kota Kinabalu: Borneo Cultural Heritage.
- Singh, R. (2011). *The Making of Sabah*. Kota Kinabalu: Bahagian Kabinet dan Dasar, Jabatan Ketua Menteri.
- St. John, S. (1862). *Life in the Forest of the Far East Vol. I*. London: Smith, Elder and Co.
- Warren, J. F. (2002). *Iranun and Balangingi*. Singapore: NUS.
- Warren, J. F. (2007). *The Sulu Zone*. Singapore: NUS.

### **Temu Bual**

Dawi (Lawah) bin Utuh, 88 tahun, Kampung Mengkabong. Beliau merupakan anak jati Kampung Mengkabong dan juga merupakan bekas Ketua Kampung Mengkabong. Beliau memegang jawatan Ketua Kampung selama 38 tahun dan anak kepada Utuh bin Jika yang juga bekas ketua kampung di Mengkabong. Beliau pernah dilantik sebagai ketua pemuda USNO di kawasan Tuaran Laut (Mengkabong) pada tahun 1955 sehingga 1962.

Salleh bin Mamun, 58 Tahun, Kampung Lok Batik Tuaran, 20 Mac 2022. Beliau merupakan Guru Besar di Sekolah Kebangsaan Nongkolud, Tuaran. Beliau berasal Mengkabong, Tuaran dan merupakan jurupandu tempatan terpenting bagi mengetahui tentang sejarah dan warisan tempatan di Mengkabong.

Maskan bin Hj Rasta, 58 tahun, Kampung Mengkabong, Tuaran, 20 Mac 2022. Beliau bekerja sendiri dan jurupandu tempatan bagi mengetahui sejarah dan warisan tempatan di Mengkabong.

Sahar bin Hj Piassin, 62 tahun, Kedai Jawa Sembulan Lama, Kota Kinabalu Sabah, 18 Januari 2022. Beliau adalah anak kepada Hj Piassin bin Jubal yang merupakan bekas Ketua Kampung Sembulan dan berasal dari Mengkabong, Tuaran. Sebagai Ketua Kampung, Hj Piassin telah memegang jawatan tersebut dan menguasai tiga buah kampung di Sembulan iaitu Sembulan Lama, Sembulan Tengah dan Sembulan Baru. Tempoh beliau memegang jawatan sebagai Ketua Kampung di Sembulan adalah dari tahun 1982 sehingga 1993. Beliau mahir dalam ilmu perubatan tradisional. Beliau merupakan anak jati Sembulan yang mempunyai banyak pengetahuan serta berpengalaman tentang sejarah tempatan di Sabah. Beliau adalah bekas pekerja dalam sektor pelancongan swasta di Pelabuhan Jesselton Point, Kota Kinabalu.

Awang Zulkifli bin Nawawi, 61 tahun, Kampung Raganan Mengkabong 16 Februari 2022. Beliau adalah cucu Bidin bin Embo Ain dan juga merupakan keturunan Jalur Embo Ilang yang merupakan pahlawan yang disegani di Mengkabong (lihat Salasilah). Awang Zulkifli adalah satu-satunya berdarah keturunan asal daripada Raja Tua yang masih menyimpan salasilah dan koleksi peribadi yang masih dipegang sehingga hari ini. Beliau merupakan bekas pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, cawangan Kota Kinabalu, Sabah.